

Halaman rumah bersi

BH 29.4.2007 MS12

Kementerian lancar kempen lebih agresif ub

KENYATAAN bahawa Kempen Cintailah Sungai Kita gagal, baru-baru ini mengejutkan banyak pihak. Bagaimanapun, kejutan itu hanya sementara kerana hakikatnya keadaan sesetengah sungai di negara ini amat menyedihkan. Perkara ini juga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kecewa dengan keadaan yang berlaku. Siapa harus dipersalahkan? Wartawan Berita Minggu, Ziauddin Sharuddin, menemubual Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, untuk mengulas isu ini.

Soal Jawab

? Mengapa Kempen Cintailah Sungai Kita selepas bertahun-tahun dilaksanakan menemui kegagalan.

Setakat slogan dan mendirikan papan tanda di tepi jalan, tetapi sebahagian besar rakyat sudah biasa dengan keadaan sekarang. Mereka tidak tahu perbuatan membuang sampah ke dalam sungai adalah salah. Kegagalan kita ialah kerana kempen tidak dilakukan secara menyeluruh dan berterusan. Tidak ada pihak turun padang menunjukkan kepada rakyat apa yang bersih dan tidak bersih.

Bagi sesetengah penduduk kampung, amalan membuang sampah di halaman masih wujud tanpa menyedari apabila hujan, sampah akhirnya masuk ke parit dan sungai. Memang halaman rumah bersih, tetapi sungai kotor. Dulu jumlah penduduk tidak ramai, manakala kuantiti air sungai banyak. Berpuluh-puluh tahun keadaan begitu, tetapi sekarang dengan jumlah penduduk semakin ramai, sampah bertambah banyak dan bukan seperti dulu yang mudah dimamah bumi.

Sampah sekarang adalah plastik, botol dan besi yang tidak hancur dalam tanah walaupun hingga 100 tahun. Saya berani kata di tepi marina terkenal, Porto Malai di Pulau Langkawi, banyak sampah.

? Siakah yang patut bertanggungjawab

untuk melihat kebersihan di sana. Begitu juga pereka bentuk tandas tidak memikirkan reka bentuk yang boleh memudahkan menjaga kebersihan.

? Bagaimanakah bentuk baru Kempen Cintailah Sungai Kita yang akan diperkenalkan.

Kita mahu mendidik rakyat bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Saya tidak akan mendedahkan sekarang. Kempen itu akan bukan sekadar kempen, tetapi dilakukan secara berterusan. Selain menggunakan media massa, kita akan mewujudkan gerakan peringkat akar umbi seperti sekolah. Adun Ahli Dewan Undangan Negeri) akan diberikan peruntukan RM10,000 untuk mengajar tetapi bukan berkhubah. Mereka akan turun padang menunjukkan sendiri apa yang boleh dan tak boleh berkaitan sungai. Kita mahu mengajak rakyat mencapai penanda aras yang sangat penting, iaitu apakah yang bersih dan kotor.

? Datuk Seri berani berkata kempen baru ini akan berjaya.

Saya tidak berani kata akan berjaya, tetapi lebih baik ada kempen yang dapat memberi tanggungjawab kepada rakyat. Selepas itu kita tengok sebarang bentuk kelemahan yang wujud. Lebih baik buat daripada tidak buat. Ini bukan soal berjaya atau tidak.

? Memandangkan tahap kesedaran rakyat untuk menjaga alam sekitar masih rendah. Bolehkah kempen ini berjaya.

Dorkempen atau tidak berkem

kajian JAS (Jabatan Alam Sekitar) mendapati tahap kebersihan sungai adalah berbeza. Ada yang sangat tercemar, tercemar biasa dan ada yang boleh mandi.

Antara punca pencemaran sungai ialah air kumbahan, iaitu sebanyak 91 peratus. Sepatutnya ini adalah tanggungjawab IWK, tetapi tahap rawatan belum mencapai tahap tinggi. Tahap rawatan masih memerlukan peningkatan. Ini tanggungjawab kerajaan. Pada mulanya IWK ditubuhkan dengan rakyat membayar kos mewujudkan sistem pembetungan.


Punca lain pencemaran ialah dari kilang, kawasan penternakan, sampah sarap yang diangkut dan dibuang di pusat pembuangan sampah. Kirakira 70 peratus dari sampah mengandungi air yang larut resap ke dalam tanah dan sungai. Pada hari ini ada lebih 160 tapak pelupusan sampah secara terbuka yang menggunakan kaedah lama. Kerajaan menggalakan semua negeri mewujudkan tapak pelupusan sampah sanitari yang mempunyai struktur simen di bawah supaya air sampah tidak larut resap ke dalam tanah.

Ini sedang dilakukan di beberapa negeri. Kerajaan memberi konsesi kepada tiga syarikat untuk mengendalikan urusan sampah, tetapi syarikat ini hanya diberi perjanjian sementara sejak 10 tahun lalu. Syarikat terbabit tidak mampu mengeluarkan modal membeli lori. Di negara kita, lori sampah kotor dan air sampah meleleh sedangkan di Jepun, lori berkilat. Negara kita tidak boleh diiktiraf sebagai negara maju selagi keadaan sekarang wujud.

Kerajaan membuat keputusan membuat perjanjian jangka panjang

h, sungai tercemar

ubah pemikiran rakyat harga sumber air



Masalah tidak timbul jika masuk ke dalam sungai yang bersih, tetapi keadaan berbeza jika masuk sungai kurang bersih. IWK perlu mempertingkatkan kecekapan sistem sekarang. IWK sebenarnya mengambil alih tanggungjawab PBT. Dalam perjanjian dengan kerajaan, IWK perlu mewujudkan sistem pemetungan yang lebih baik. Semua sistem pemetungan rumah baru perlu diluluskan oleh IWK dan piawaian yang diletakkan memang tinggi. Masalahnya ialah sistem pemetungan lama yang perlu diganti dan IWK tidak mampu buat kerana kos tinggi. Saya difahamkan hingga RM4 bilion.

? Ada NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) sedia membersihkan sungai. Mengapa tidak serahkan saja kepada NGO.

Saya tidak bersetuju jika hendak mengharap pihak lain membersihkan sungai. Mengapa pihak lain yang mengotorkan sungai dan pihak lain pula membersihkan. Sekarang saya hendak menyorotkan

“ Kita mahu mendidik rakyat bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama”

Azmi Khalid
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

Thailand, keadaan tandas kedai bersih. Kalau boleh Jepun sebagai model, tetapi kadang-kadang hendak meletakkan penanda aras terlalu tinggi dikhuatiri tidak tercapai. Pernah betul-betul ke Thailand dan sudah

JAS untuk bertindak. Kalau tiada tindakan dalam tempoh 24 jam, perkara ini akan dilaporkan kepada saya.

Ketika ini hotline di Kuala Lumpur. Adun pun tidak tahu. Apabila pencemaran berlaku, mereka hanya mengadu, tetapi pegawai JAS dan saya tidak tahu. Saya juga tidak bercadang memberikan insentif kerana itu cara lama. Nanti kalau tidak dapat wang atau baju, tidak mahu beri maklumat.

Semua Menteri Besar bersetuju dengan strategi baru ini. Operasi dijangka dimulakan dalam tempoh satu atau dua bulan ini. Kita mulakan dengan Selangor dan tidak lama, prosedur operasi dijangka siap. Kita juga memindahkan pegawai JAS ke kawasan yang lebih sensitif, terutama di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Johor. Ada beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak yang memerlukan kerana kewujudan loji kelapa sawit yang boleh mencemarkan sungai.

? Apa kebimbangan Datuk Seri apabila alam sekitar kita masih kurang memuaskan.

Kalau bandingkan dengan negara kurang maju, memang kita lebih baik tetapi Malaysia sudah sampai ke tahap pembangunan seperti infrastruktur dan pelajaran yang maju. Kira-kira 20 peratus dari bajet setiap tahun diperuntukkan untuk pelajaran. Majoriti rakyat melebihi tingkatan lima dengan kadar kenal huruf amat tinggi. Di kalangan negara Islam, kita adalah yang termaju. Kalau tengok alam sekitar, tahap kualiti sungai masih merosot, tetapi banyak lagi yang boleh dijaga.

Sekarang hanya 17 batang sungai amat tercemar, tetapi kita ada 186 lembangan sungai yang paras pencemaran pelbagai peringkat. Kita perlu menjaga sungai mulai sekarang sebelum lebih banyak tercemar. Saya masih kurang puas hati dengan cara pembangunan. Pemotongan bukit masih berlaku dan tanah masuk ke dalam sungai walaupun ada cara mengawal semua itu. Hendak kata kita teruk, kita perlu bandingkan dengan negara lain.

? Siapakah yang patut bertanggungjawab.

Ini persoalan penting. Rakyat berkata ini tanggungjawab kerajaan, tetapi saya kata ini juga adalah tanggungjawab mereka. Mengapa sampah dibuang di halaman. Jangan tuduh kerajaan dan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) tidak buat kerja.

? Ada pandangan bahawa rakyat membayar cukai dan mengapa pula perlu dipertanggungjawabkan.

Itu andaian dengan menyatakan rakyat bayar cukai dan ini tugas kerajaan. Itu pemikiran lama dan kerana itulah kita gagal. Ada orang kata di negara Islam banyak sangat Islam, tetapi tiada Muslim. Perangai Muslim tiada di kalangan rakyat negara Islam. Kebersihan buruk, berbanding negara bukan Islam. Jepun negara bukan Islam, tetapi perangai rakyatnya adalah lebih Muslim.

Orang Islam tahu kebersihan adalah sebahagian iman, tetapi pihak yang menjaga kebersihan masjid pun tidak tahu standard kebersihan sepatutnya. Sebab itu kita mahu bawa orang yang menjaga masjid ke hotel



“Amalan membuang sampah di halaman masih wujud tanpa menyedari apabila hujan, sampah akhirnya masuk ke parit dan sungai. Memang halaman rumah bersih, tetapi sungai kotor”

lekan kempen ini berjaya. Berkempen atau tidak berkempen, mana lebih baik? Kita kena buat sesuatu ke arah positif. Bagi saya, ini kelemahan kempen sebelum ini. Pertama tiada penanda aras. Kempennya lebih mementingkan papan tanda. Orang ramai diberitahu bahawa akan didenda RM500 jika membuang sampah, tetapi di bawah papan tanda itulah sampah berlonggok.

? Kadang-kadang kempen saja tidak mencukupi. Orang kita lebih memahami bahasa undang-undang untuk tidak mencemarkan alam sekitar.

Undang-undang saja tidak akan berkesan. Walaupun kita denda hingga semua orang masuk penjara, tindakan itu tidak akan berkesan. Kesedaran untuk mencintai alam sekitar mengambil masa satu generasi untuk menjadi gaya hidup. Saya lihat sebuah tadika yang dibina oleh kerajaan Jepun melalui JICA (Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun) di Rawang yang bersebelahan tadika Kemas. Di situ mereka diajar menggunakan tandas.

Ajaran menjaga kebersihan bermula di rumah. Jika ibu bapa tidak tahu, anak akan membesar dengan cara tidak tahu. Anak yang tahu akan menjadi ibu bapa yang tahu. Ketika itulah zamannya. Hendak mengajar seluruh negara untuk mengamalkan kebersihan setaraf piawai Jepun mengambil masa satu generasi.

Saya berbincang dengan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, mengenai subjek kurikulum alam sekitar di sekolah. Bagaimanapun, saya tengok pengisiannya berbeza-beza mengikut sekolah. Guru sendiri tidak didedahkan berhubung perkara yang boleh diajar kepada murid. Saya beri sebuah buku tulisan seorang Barat yang tinggal di Malaysia mengenai program yang boleh dilaksanakan di sekolah sebagai subjek sampingan.

Buku ini dalam bahasa Inggeris dan perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Setakat ini, Hishammuddin dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bersetuju buku ini digunakan. Saya akan meneruskan perbincangan dengan Kementerian Pelajaran bagi menjadikan buku ini sebagai bahan bacaan bukan buku teks.

? Sebelum ini program pemberisihan sungai hanya membabitkan sungai, tetapi tidak menangani puncanya seperti sisa kumbahan di sepanjang sungai. Apalah guna kerajaan membelanjakan jutaan ringgit jika sungai akhirnya kotor semula.

Saya akui bahawa kumbahan adalah tanggungjawab kerajaan. Apabila kita membina bangunan, air dari tandas masuk ke tangki, dirawat dan dibersihkan sebelum dilepaskan ke parit dan sungai. Memang kerajaan mempunyai IWK (Indah Water Konsortium) untuk mengendalikan perkara ini. Bagaimanapun,



“Ajaran menjaga kebersihan bermula di rumah. Jika ibu bapa tidak tahu, anak akan membesar dengan cara tidak tahu. Anak yang tahu akan menjadi ibu bapa yang tahu”

dengan syarikat konsesi berkenaan. Kerajaan pernah hendak mewujudkan insinerator, tetapi mendapat tentangan. Pengalaman melihat insinerator di negara lain mendapati tidak ada masalah. Singapura ada enam insinerator yang berfungsi dengan cekap. Negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan Eropah pun ada. Walaupun ada kebimbangan bahawa gas insinerator yang keluar beracun, ini diatasi dengan sistem teknologi tinggi.

? Sisa kumbahan ternyata menjadi antara punca utama mencemarkan sungai, tetapi IWK yang dipertanggungjawab merawat gagal memenuhi harapan. Apa tindakan kerajaan.

IWK hanya beroperasi di kawasan perbandaran. Bukan semua rakyat tinggal di kawasan itu. Kawasan setingan tidak ada IWK dan jumlah mereka ada berpuluh ribu di negara ini. Hendak menyalahkan IWK 100 peratus pun tidak boleh. IWK memang menjalankan tanggungjawab mereka, tetapi didapati sisa buangan dari loji IWK tidak mematuhi paras sepatutnya. Masih wujud unsur pencemaran dan tidak begitu bersih.

yang mengotorakan sungai dan pihak lain pula membersihkan. Sekarang saya hendak menerapkan bahawa jika kamu yang mengotorakan, maka kamu yang bersihkan. Inilah nilai yang kita mahu wujudkan dalam diri setiap orang. Saya percaya jika nilai ini ada, tidak akan wujud pencemaran. Jika tiada nilai ini dan pencemaran terus berlaku, masih hendak mengharapkan orang lagi.

Di Jepun, kanak-kanak tadika membawa beg kecil bersama mereka. Bungkus makanan yang dimakan diletakkan di situ. Kalau semua orang tidak buang sampah, mana ada sampah. Mungkin hanya sampah semula jadi seperti daun.

? Berapakah kos sebenar Kempen Cintailah Sungai Kita.

Kos tidak banyak sangat. Belanja banyak mana pun, jika tidak berkesan, tidak berkesanlah. Bukan soal kos. Kerajaan sanggup berbelanja. Cuma sekarang baguslah kalau berkesan. Kalau tidak berkesan, apakah cara untuk berkesan. Kalau nak analisis setiap perkara, ini bermakna hendak mencari salah. Kita tengok apa yang tidak kena, perbetulkan. Perangai individu yang harus diperbetulkan. Walaupun imam mengatakan kebersihan sebahagian iman, tetapi piawai tak ada kerana standard tak ada.

Untuk kempen baru, perbelanjaan adalah untuk membuat klip video dan lagu. Kita juga perlu bayar iklan yang disiarkan di radio dan televisyen dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM7 juta. Peruntukan untuk turun padang pula kira-kira RM3 juta. Saya cari jalan supaya Adun turun padang dengan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) dan RT (Rukun Tetangga). Saya menggunakan peruntukan lain sebanyak RM10,000 untuk mengajar. Bajetnya kecil.

Saya tidak mahu kempen dengan menjemput ramai dan RM3 juta habis begitu saja. Itu hanya seronok, datang tepuk tangan dan lepas minum teh, orang lupa.

Tengoklah kempen akan datang. Klip video membabitkan kisah saya sendiri di Pulau Langkawi. Di situ ada gerai makan yang dibina kerajaan yang terletak berhampiran longkang besar. Seorang ahli Exco (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) yang memakai tali leher selepas makan jagung bakar terus buang dalam longkang. Saya bertanya, awak seorang Exco dan mengapa buat macam ini? Dia beritahu tidak apa, sekejap lagi mereka buanglah. Lagu pun hebat dan Perdana Menteri akan melancarkan.

? Apakah penanda aras yang diutamakan.

Kalau boleh kebersihan tandas seperti hotel. Ada orang kata tandas hotel dibuat dari marmar dan rumah kita mungkin hanya menggunakan simen. Bagaimanapun di Thailand, tandas simen di kawasan perladangan bersih. Selepas Padang Besar di utara, sebaik saja memasuki

meninggalkan penanda aras teratai tinggi dikhuatiri tidak tercapai. Peringkat awal ini, Thailand pun sudah cukup.

? Apa pandangan Datuk Seri apabila Kementerian dilabelkan hariman tidak bertaring. Kementerian sukar bertindak kerana ada bidang kuasa adalah di bawah kerajaan negeri.

Betula! Kementerian hanya ada Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Akta ini hanya menjurus ke arah laporan EIA (Penilaian Kesan Alam Sekitar), iaitu setiap projek memerlukan EIA. Pencemaran pula hanya menjurus kepada toksik seperti industri. Itu pun dengan bantuan Jabatan Kimia boleh menentukan puncanya. Undang-undang lain adalah berkaitan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Laut.

Sungai pula adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Malah banyak tanah rizab sungai tidak diwartakan. Hanya diletakkan rizab sungai di bawah kerajaan negeri. Ramai orang buat rumah di tepi sungai dan kita tidak boleh buat apa-apa. Pergilah tengok Sungai Congkak di Hulu Langat, sungai cantik tetapi orang buat rumah di tepi sungai. Ada yang menyewakan kepada warga asing. Kawasan ini di luar perbandaran dan DO (Pegawai Daerah) tidak ada kuasa dan JPS pun begitu. Hanya DO kata, ini tanah kerajaan dan kamu mesti keluar.

Ini memerlukan kemahuan politik. Undang-undang berpandukan Perlembagaan yang menyatakan bidang kuasa Persekutuan dan negeri. Ini memerlukan tindakan PBT yang mempunyai undang-undang sendiri. Kita letak papan tanda denda RM500 jika buang sampah, tetapi di bawah papan tanda ada sampah kerana penguatkuasaan lemah. Bagaimanapun, yang membuang sampah adalah orang. Selagi orang membuang sampah, selama mana kita boleh mengambil tindakan undang-undang. Isu ini tidak timbul jika menangani puncanya, iaitu orang.

? Apakah ketiadaan taring itu mempunyai kaitan dengan kewujudan kilang haram yang menyumbang kepada pencemaran sungai.

Kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap kilang haram di sesuatu lokasi kerana itu adalah kuasa kerajaan negeri. Kementerian hanya boleh bertindak apabila kilang itu menimbulkan masalah pencemaran alam. Ini yang menyebabkan di seluruh negara, terutama Selangor dan Kuala Lumpur, banyak kilang membuang sisa industri ke sungai.

Strategi kita ialah memberi kuasa kepada semua Adun dan Ahli Parlimen untuk mengetahui lokasi sungai dan pencemaran yang berlaku. Mereka mesti tahu JKKK dan RT kawasan masing-masing yang boleh digerakkan untuk memantau pencemaran sungai. Apabila berlaku pencemaran, beritahu Adun masing-masing yang kita gandingkan dengan

meninggalkan penanda aras teratai tinggi dikhuatiri tidak tercapai. Peringkat awal ini, Thailand pun sudah cukup.

Bandingkan dengan Jepun, kita memang jauh ketinggalan. Bandingkan dengan Korea Selatan, kita ketinggalan 20 tahun ke belakang. Bagaimana, Korea Selatan pun dulu tercemar tetapi dapat dipulihkan. Saya ingin tahu cara Jepun menjaga alam sekitar dan hendak hantar pegawai ke negara itu kira-kira sebulan. Saya telah memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai perkara ini. Kita mahu tahu apa yang boleh di-



“Saya masih kurang puas hati dengan cara pembangunan. Pemotongan bukit masih berlaku dan tanah masuk ke dalam sungai walaupun ada cara mengawal semua itu”

buat terhadap sistem kita atau ada aspek undang-undang yang perlu diperkemas.

Antara cadangan kita ialah menjadikan alam sekitar sebagai satu segmen dalam Perlembagaan, iaitu tanggungjawab bersama antara Persekutuan dan kerajaan negeri, kerana sungai melalui negeri. Pada peringkat kerajaan negeri juga ada banyak PBT. Kalau semua ini tidak diselaras dengan pendekatan lebih menyeluruh, usaha menjaga alam sekitar agak perlahan. Ini bukan mudah kerana membabitkan kerajaan negeri dan perkara sensitif yang perlu dijaga. Tanggungjawab bersama ini memerlukan kemahuan politik.